



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

PERBADANAN PUTRAJAYA DAN GENTARI MELANCARKAN STESEN PENGECAS EV DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 17 October 2024 – Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Gentari Sdn Bhd (Gentari), melalui anak syarikatnya Gentari Green Mobility Sdn. Bhd. mengumumkan pelancaran stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) baharu di Taman Ekuestrian Putrajaya. Terletak di tempat letak kereta berhampiran 'Eques Cabin Café', stesen pengecasan ini menyediakan kuasa AC sehingga 7kW, direka untuk memenuhi keperluan pengguna EV di kawasan tersebut.

Stesen pengecasan EV telah dilancarkan secara rasmi oleh Presiden PPj, YBhg. Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud dan Ketua Pegawai Operasi Gentari Green Mobility, Haikal Zubir. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada rancangan lebih luas PPj untuk memasang 500 unit pengecasan EV di Putrajaya menjelang 2030, sebagai sokongan kepada aspirasi Putrajaya untuk menjadi bandar rendah karbon. Lokasi strategik yang telah dikenal pasti untuk stesen pengecasan pada masa hadapan termasuk di Laman Perdana, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Taman Saujana Hijau, Marina Putrajaya, Putrajaya Sentral dan Kelab Tasik Putrajaya.

Semasa mengecas, pengguna boleh menggunakan fasiliti yang tersedia di Taman Ekuestrian Putrajaya dengan menyertai aktiviti menunggang kuda atau menikmati hidangan dan minuman yang lazat di 'Eques Cabin Café'. Mengulas dalam satu kenyataan, YBhg. Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud, Presiden PPj: "Kerjasama kami dengan Gentari adalah satu lagi contoh bagaimana Putrajaya bekerjasama dengan pemain tenaga global untuk membangunkan kemudahan EV terkini untuk komuniti dan pengunjung di Putrajaya. Kami berbesar hati untuk melancarkan kemudahan terbaharu ini di Putrajaya melalui kerjasama dengan sektor swasta yang sama-sama

Sambungan Siaran Media:

PERBADANAN PUTRAJAYA DAN GENTARI MELANCARKAN STESEN PENGECAS EV DI PUTRAJAYA

komited untuk mempercepatkan peralihan bandar Putrajaya ke arah masa depan yang mampan.

Haikal Zubir, Ketua Pegawai Operasi Gentari Green Mobility mengulas, “Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan Perbadanan Putrajaya bagi memperluaskan ketersediaan infrastruktur pengecasan EV di bandar raya pentadbiran negara.” Kerjasama ini bukan sahaja menyokong perjalanan Putrajaya ke arah menjadi bandar rendah karbon serta menyokong matlamat Kerajaan Persekutuan untuk mempunyai kenderaan elektrik (EV) dalam pasaran kenderaan di Malaysia.

Orang ramai juga boleh mengguna kemudahan ini dengan mudah dan lancar sebagai satu platform tenaga bersih ‘Gentari Go’ yang menawarkan gaya hidup baharu kepada pelanggan melalui platform ini terus kepada pengguna.

Dengan lebih daripada 160 unit pengecasan DC, Gentari kini mengendalikan rangkaian pengecasan arus terus (DC) terbesar di Malaysia. Secara serantau, Gentari mengendalikan hampir 1,000 pengecas di seluruh Malaysia, Thailand dan India serta menyediakan akses kepada rangkaian luas hampir 4,000 pengecas bergerak melalui kerjasama dengan pelbagai pengendali stesen pengecas. Selain pengecasan EV, Gentari juga mempunyai tawaran ‘Vehicle-as-a-Service’ (VaaS) dengan lebih daripada 3,800 EV yang telah digunakan di Malaysia, Indonesia dan India.



(SITI FADILAH BINTI RAMLI)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 16 Oktober 2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.

GENTARI

Gentari merupakan penyedia penyampaian bagi penyelesaian yang diperlukan untuk melaksanakan tenaga bersih pada hari ini sebagai penyedia cara hidup baharu pada masa depan. Tiga teras awal Gentari iaitu Tenaga Boleh Diperbaharui, Hidrogen dan Mobiliti Hijau membentuk portfolio penyelesaian yang komprehensif untuk membantu pengguna menyumbang ke arah pengurangan karbon di jalan raya. Misinya adalah untuk menjadi pemaju tenaga boleh diperbaharui di peringkat Komersial dan Perindustrian (Commercial and Industrial-C&I) yang terkemuka, pengeluar hidrogen berskala dan rakan industri pilihan, serta rakan penyelesaian mobiliti hijau terkemuka di Asia Pasifik. Dalam jangka panjang, Gentari berhasrat untuk menjadi rakan kepada penyelesaian tenaga bersih yang berharga, menyumbang kepada perubahan yang lebih besar, menghubungkan perniagaan, dan menjadikan perjalanan ke masa depan lebih bersih.

'Gentari Go', sebuah platform tenaga bersih, baru-baru ini telah dilancarkan untuk menawarkan pengalaman gaya hidup mampan yang berintegrasi kepada pelanggan, membolehkan aliran tenaga bersih dari 'Roof to Wall to Wheel'. Aplikasi 'Gentari Go' kini tersedia melalui 'Apple App Store' dan 'Google Play Store' di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai 'Gentari Go', sila lawati <https://www.gentari.com/go/> atau hubungi khidmat pelanggan kami di talian +6017-6235153.

Gentari

Ravinesh Uthayasuriyan (Rantau+) | ravinesh@rantaupr.com.my | +6012 581 6851